

138 peneroka dapat lot tanah

KEMAMAN 9 Mac - Seramai 138 peneroka Felcra yang meneroka tanah seluas 280 hektar di mukim Hulu Cukai di sini sejak 1986 mula menerima lot masing-masing semalam.

Ia suatu detik yang menggembirakan mereka kerana akhirnya memiliki tanah berkelompok itu setelah mengemukakan permohonan melalui Pejabat Tanah pada tahun 1990.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said menyeru semua penerima tanah itu supaya menjadikan kurniaan itu sebagai warisan kekal.

"Penduduk sewajarnya bersyukur dengan pengurniaan tanah ini. Jangan pula tanah ini dijual dan jadinya sebagai pegangan berterusan," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Undian Lot Tanah Berkelompok Darat Dato' C di Kampung Ibok, dekat sini.